

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
WONG**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah dan kawalan yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal penggunaan lampu '*High Intensity Discharge*' (HID) yang tidak mengikut spesifikasi sehingga mengganggu pengguna jalan raya khususnya semasa hari hujan akibat lampu kereta yang terlalu terang menyebabkan pandangan menjadi silau serta boleh membawa kepada kemalangan maut dan berapakah bilangan kes kemalangan jalan raya dalam 2 tahun kebelakangan ini yang disebabkan oleh lampu kereta terlalu silau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan lampu *High Intensity Discharge* (HID) yang mematuhi ciri-ciri keselamatan, spesifikasi teknikal dan peraturan pembinaan yang ditetapkan di bawah ***United Nation Regulation No. 98 (Headlamps with gas-discharge light sources)***, ***United Nation Regulation No. 99 (Gas-discharge light sources)*** serta ***United Nation Regulation No. 48 (Installation of Light and Signaling)*** adalah dibenarkan terutamanya yang dipasang ke atas kenderaan motor baharu keluaran kilang (*factory fitted*). Pematuhan kepada peraturan ini adalah ditetapkan di bawah **Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959** dan dikawalselia menerusi proses kelulusan jenis kenderaan (*Vehicle Type Approval*, VTA) oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ke atas semua kenderaan motor baharu (samada diimport, pembuatan tempatan atau terpakai) sebelum boleh didaftar dan dilesenkan di Malaysia.

Namun, pemasangan dan penggunaan lampu HID yang tidak mematuhi peraturan di atas terutamanya yang dipasang secara retrofit (bukan pemasangan asal di kilang) atau dipasang sebagai aksesori tambahan adalah merupakan suatu kesalahan di bawah peruntukan Kaedah 94, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959, iaitu pemasangan aksesori pada mana-mana bahagian kenderaan yang boleh menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang di atas jalan. Hal ini mengambil kira akan pemakaian HID yang tidak mematuhi peraturan boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya dan kenderaan motor itu sendiri, atas faktor-faktor berikut:-

- a) menyebabkan silau berlebihan dan mengganggu penglihatan pemandu kenderaan motor yang lain yang datang dari arah bertentangan;

NO. SOALAN: 62

- b) memberi kesan penglihatan yang terhad kepada pemandu kenderaan motor itu dalam keadaan pandangan terhad seperti dalam hujan lebat atau kabus tebal; dan
- c) lampu HID secara ubahsuai dan dipasang secara aksesori tambahan boleh menyebabkan berlaku litar pintas dan kebakaran pada kenderaan disebabkan kepanasan melampau dan pemasangan tidak mematuhi peraturan.

Setakat semasa, tiada terdapat data khusus yang dikumpul mengenai kemalangan yang berpunca daripada kesalahan penggunaan lampu HID. Namun begitu, penguatkuasaan secara berterusan sentiasa dilaksanakan oleh pihak JPJ terhadap pelanggaran peraturan ini. Bagi tempoh dari tahun 2017 sehingga Oktober 2021, sebanyak 5,715 kes berkaitan kesalahan ini telah diambil tindakan oleh JPJ.